



## SIARAN AKHBAR

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)

---

#### PENYERAHAN INSTRUMEN PENYERTAAN MALAYSIA DALAM TRITI ANGKASA DI BAWAH *UNITED NATIONS COMMITTEE ON THE PEACEFUL USES OF OUTER SPACE (UNCOPUOS) CONVENTION ON REGISTRATION OF OBJECTS LAUNCHED INTO OUTER SPACE* (REG 1975)

---

**PUTRAJAYA, 4 OKTOBER 2025** – Malaysia telah memuktamadkan penyertaan Negara dalam triti angkasa *Convention on Registration of Object Launched Into Outer Space* (REG 1975) pada 26 September 2025 kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Penyerahan penyertaan ini telah dilakukan oleh Menteri Luar Negeri, YB. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, yang mewakili Kerajaan Malaysia. Instrumen tersebut telah diserahkan kepada *Under-Secretary-General* bagi Hal Ehwal Undang-Undang dan Penasihat Undang-Undang PBB, Ms. Elinor Jane Britt Hammarskjöld, dalam satu majlis rasmi yang berlangsung di Ibu Pejabat PBB, New York.

Penyertaan Malaysia ke Konvensyen REG 1975 ini menandakan satu lagi komitmen penting Malaysia dalam memperkuuh tadbir urus angkasa lepas di peringkat antarabangsa, khususnya berkaitan dengan aspek pendaftaran objek angkasa, keselamatan operasi satelit, serta jaminan ketelusan dalam aktiviti penerokaan dan penggunaan angkasa lepas untuk tujuan aman.

Langkah ini juga adalah sebahagian daripada usaha berterusan Malaysia untuk:

- Mematuhi kerangka undang-undang antarabangsa di bawah naungan PBB;
- Memastikan keselamatan serta kelestarian penggunaan angkasa lepas; dan
- Menyokong aspirasi nasional melalui penguatkuasaan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] serta pelaksanaan Dasar Angkasa Malaysia.

Dengan penguatkuasaan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [Akta 834] dan penyertaan Negara dalam Konvensyen REG 1975, Malaysia kini berada di landasan yang lebih kukuh untuk memperkuat kedudukan sebagai pemain angkasa yang bertanggungjawab diperingkat antarabangsa, sejajar dengan matlamat Dasar Angkasa Negara 2030 dan prinsip Malaysia MADANI dalam usaha merancakkan pembangunan ekonomi angkasa tempatan yang mampan.

**#TAMAT#**

Diterbitkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**4 OKTOBER 2025**

